Tempat Duduk: ____________ Angka Giliran: ____________

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HZZ 201 Apresiasi Muzik Barat

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM TUJUH [7] HALAMAN.

Jawab LIMA [5] soalan. KEDUA-DUA soalan daripada Bahagian A dan SOALAN NO. 3 daripada Bahagian B WAJIB dijawab dan pilih DUA [2] soalan lain daripada Bahagian B.

Tulis jawapan pada kertas soalan ini untuk Bahagian A dan Bahagian B dijawab atas skrip jawapan.

BAHAGIAN A - KEDUA-DUA [2] soalan WAJIB dijawab

1. Jawap SEMUA soalan. [30 markah]

Isikan kosong-kosong pada soalan-soalan berikut:

[a] ________________ ialah polifoni awal yang dihasilkan dari tambahan teks yang berlainan ke semua baris suara.

[b] Dua form yang terpenting dalam muzik sekular Zaman Pembaharuan ialah ___________________ dan "chanson".

[c] __________________ merupakan stail ekspresif Pra-Klasikal yang baru yang meramalkan pembangkitan aspek-aspek Romantisisme buat kali pertama dalam sejarah Muzik Barat.

.../2

Angka Giliran: ___________

[d] Satu atail muzikal baru dalam Zaman Barok yang mempunyai melodi vokal tunggal diiringi dengan alat muzik digelar _______________.

[e] Tajuk-tajuk seperti **bagatelle, impromptu** dan **intermezzo** digunakan dalam Zaman Romantik untuk karya-karya jenis _______________.

[f] Schoenberg memperkenalkan istilah _______________ untuk satu struktur garis seperti melodi, yang berdasarkan pelbagai warna nada yang menukar berturut-turut.

[g] Komponis abad ke-20 yang mementingkan penggunaan form melengkung **(arch)** ialah _____________________.

[h] Aliran Viennese Pertama mempengaruh-stail komposisi oleh _________________. Maka itu beliau merupakan komponis dari Aliran Konservatif lewat Romantik yang bertentangan dengan Aliran Futuristik yang diketuai oleh Richard Wagner.

[i] ___________________ adalah satu kumpulan form yang mempengaruh puisi sekular dan muzik di Perancis pada abad ke-14 dan ke-15. **Ballade, Rondeau** dan **Virelai** merupakan form-form utama dari kumpulan ini.

.../3

Angka Giliran: __________

[j] Muzik yang dihasilkan, diubahkan atau disalin dengan kaedah elektronik serta menggunakan peralatan elektronik secara kreatif dikenali sebagai ____________________ dalam bahasa Perancis.

[k] ____________________ ialah komponis yang memperkenalkan piano siap-sedia **(prepared piano)**.

[l] ____________________ adalah salah satu daripada lima orang komponis Nasionalistik Rusia. Beliau mengkaryakan sebuah opera Nasionalistik yang bertajuk **Prince Igor**.

[m] Richard Strauss merupakan seorang komponis yang mahir dalam form ______________________________.
Don Quixote, Also sprach Zarathustra, Death and Transfiguration adalah komposisi beliau yang terkenal dalam form tersebut.

[n] ______________________ merupakan komponis yang mahir dalam pengorkestraan muzik Zaman lewat Romantik. Beliau telah mengorkestrakan karya-karya ahli kumpulan **"The Five"** seperti Pictures at an Exhibition, Boris Godunov dan Prince Igor.

.../4

Angka Giliran: __________

[o] Melodi Zaman Barok lazimnya dihasilkan melalui penenunan (perkembangan/putaran) motif pendek secara sekuen yang berturut-turut. Teknik komposisi ini dinama ______________________________.

2. **BETUL** atau **SALAH** [10 markah]

[a] **Libretto** untuk opera Mozart yang bertajuk Le Nozze di Figaro dan Don Giovanne dikarang oleh Lorenzo da Ponte. ___________

[b] Dalam Kuartet Alatali Op. 33, Haydn telah memperkenalkan **Scherzo** sebagai gantian Minuet. ___________

[c] Schubert merupakan seorang komponis lieder yang prolifik. Beliau telah mengkaryakan 760 lagu-lagu berseni. ___________

[d] Opera buffa mengandungi cerita-cerita tentang sejarah, tokoh-tokoh legenda dan bersifat serius. ___________

[e] 'Eusebius' dan 'Florestan' adalah nama timangan yang diberi oleh Robert Schumann kepada dirinya sendiri. ___________

[f] Freemason adalah satu kumpulan artis, ahli muzik dan penulis dari Zaman Barok Awal. Tujuan mereka ialah untuk membangkitkan semula drama Yunani kuno. Eksperimen dan ide mereka adalah asas kepada opera Zaman Barok. ___________

[g] **Dies irae** yang terdapat dalam Symphonie Fanatastique Berlioz adalah **idee fixe** yang membayangkan atau menandakan 'kekasih yang dicicntai'. ___________

.../5

Angka Giliran: ____________

[h] Dido menyanyi aria beliau yang terkenal **"When I am laid in earth"** dalam opera Henry Purcell yang bertajuk Dido and Aeneas sebelum Aeneas bertolak dari Carthage. ____________

[i] Empat orang pemuzik diperlukan untuk mempersembahkan sebuah Trio Sonata Zaman Barok. ____________

[j] Die schone Mullerin, Winterreise Schwanengesang adalah rangkaian lagu **(song-cycle)** Robert Schumann. ____________

[k] Webern telah mengkaryakan banyak komposisi dalam stail serialisme. Antara komposisi jenis ini ialah opera yang bertajuk Wozzeck. ____________

[l] Dalam ballet Stravinsky yang bertajuk Petrushka salah satu kord yang terkenal adalah kord yang berdwitonaliti **(bitonal)**. ____________

[m] Sergei Diaghilev ialah **impresario** terkenal yang berasal dari Rusia. Beliau telah berusaha bersama dengan artis-artis seperti Nijinsky, Piccaso, Benois dan komponis-komponis seperti Debussy, Prokovief, Ravel, Satie dan lain-lain untuk produksi ballet dan opera Rusia di Paris pada awal abad ke-20an. ____________

[n] **Planning**, pandiatonisisme dan harmoni kuartal merupakan beberapa teknik komposisi Debussy. ____________

[o] Salah satu daripada form sekular yang diperkembangkan dalam Zaman Pembaharuan ialah organum. Organum selari, organum berbunga **(florid)** dan organum komposit merupakan beberapa jenis yang terdapat dalam form ini. ____________

.../6

01169

Angka Giliran: __________

[p] Penggunaan teknik-teknik abad ke-20an yang radikal seperti dwitonaliti, poliritma, kelompok nada **(tone cluster)** dan disonan yang kasar oleh Charles Ives terkandung dalam komposisi beliau **"Putnam's Camp, Redding, Connecticut"** dari Three Pieces in New England. __________

[q] **"Casta Diva"** ialah sebuah aria yang dinyanyikan oleh Zarlina dalam opera Bellini Norma. __________

[r] Dalam komposisi-komposisi beliau seperti El Salon Mexico, Appalachian Spring dan Rodeo, Aaron Copland telah menggunakan harmoni diatonik dan elemen-elemen lagu rakyat. __________

[s] Stravinsky telah menggunakan ciri-ciri dan teknik serialisme dalam karya-karya lewat beliau. Agon adalah salah satu daripada komposisi jenis ini. __________

[t] Gustave Mahler telah mengkaryakan sembilan buah simfoni. Simfoni No. 1, 5, 7 dan 9 dikaryakan untuk korus, suara-suara solo dan orkestra. __________

.../BAHAGIAN B

.../7

**BAHAGIAN B - SOALAN NO. 3 WAJIB dijawab dan DUA [2] soalan lain (Esei Panjang)**

3. Bincangkan perkembangan stail muzikal Arnold Schoenberg di antara tahun 1899 - 1925. Tumpukan jawapan anda kepada ciri-ciri muzikal yang terdapat dalam komposisinya. Sokongkan jawapan anda dengan merujuk kepada komposisi-komposisi terpilih.

[20 markah]

4. Bincangkan perkembangan stail komposisi Beethoven dan bagaimana stail beliau telah mempengaruh stail komponis-komponis selepasnya. Sokongkan jawapan anda dengan merujuk kepada komposisi-komposisi terpilih.

[20 markah]

5. Bincangkan sumbangan muzikal dan pengaruh Richard Wagner dari segi karya-karya opera dan perkembangan muzik pada Zaman lewat Romantik dan awal abad ke-20an.

[20 markah]

6. Bincangkan tiga [3] kategori muzik instrumental yang terdapat dalam Zaman Barok. Nyatakan beberapa komposisi dalam setiap kategori dan namakan komponis karya-karya tersebut.

[20 markah]

-oooOOOOOO-